

SENIBINA *CYBRID*

KAMARUL BAHARI MOHD ALI

(DIP. ARCH. U.T.M.)

FAKULTI ALAM BINA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FEBRUARI 2004

SENIBINA *CYBRID*

KAMARUL BAHARI MOHD ALI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Senibina.

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2004

ABSTRAK

Di dalam era siber ini, teknologi maklumat dan informasi (ICT) semakin berkembang pesat untuk manusia memanfaatkan kelebihan dan kebaikan yang disediakan. Disebalik kelebihan dan kebaikan yang dijanjikan, secara senyap ia juga boleh membawa keburukan bagi sesetengah pihak. Isu manusia kehilangan artifaknya yang paling berharga, iaitu senibina, adalah contoh kedurjanaan teknologi siber yang semakin melenyapkan kewujudan bangunan. Dengan wujudnya *internet*, kita boleh belajar, membaca, bertukaran dan berkongsi maklumat, membuat pinjaman wang, membeli – belah dan bermacam – macam lagi. Kita seolah – olah tidak perlu lagi ke perpustakaan, muzium, galeri, kedai buku, kompleks membeli – belah dan sekolah untuk melakukan kerja – kerja seperti di atas. *Internet* telah mengambil – alih ruang – ruang dan laluan – laluan fizikal pada bangunan dan membuatkan bangunan menjadi semakin kecil. Kekuatan senibina dalam merekabentuk sesebuah organisasi ruang semakin lemah. Sekaligus ia akan merubah keseluruhan industri dan praktikal senibina.

Cybrid Gallery Interface (CGI) merupakan sebuah galeri yang mempunyai konsep mengikut rekabentuk *internet*. CGI menggunakan 100 % teknologi *virtual reality* di dalam mempamerkan artifak dan persekitarannya. Manusia mesin adalah sebagai *avatar* di dalam ruang fizikal ini untuk menyelami suasana dan persekitaran sintetik (*Immersive virtual environment*).

Matlamat projek ini ialah untuk mengenalpasti pendekatan terkini dalam penghasilan suatu bentuk senibina yang menggambarkan teknologi terkini. Ia juga membawa manusia mesin ke sebuah realiti yang tidak pernah dibayangkan dan dialami selama ini.